



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PROSES PENYELESAIAN KONFLIK MELALUI  
PERUNDINGAN SULH**

**MOHD FUAD BIN MOHD SALLEH**

**FPP 2006 12**



**PROSES PENYELESAIAN KONFLIK MELALUI  
PERUNDINGAN SULH**

**Oleh**

**MOHD FUAD BIN MOHD SALLEH**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2006**



## **DEDIKASI**

### **DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG SELAWAT DAN SALAM BUAT RASUL JUNJUNGAN MULIA.**

Buat ibu, Hj. Rukiah Bte Hj. Abdul Kadir dan ayah, Hj. Mohd Salleh Bin Hj. Paimin. Jasa mu ibu, ayah, yang melahirkan, membesar dan mendidik anak mu ini serta do`a yang tidak pernah putus dari bibir mu tiada nilai yang boleh menyamainya.

Untuk isteri, Noriha Bte Awang dan anak-anak ku tersayang, Mohd Solahuddin al-Mundzir, Sumaiyah al-Muniroh, Halimatus Sa'adiah, Siti Sakinah, Umairah al-Habibah, Mohd Ismail al-Fatih, Siti Khodijah, kesabaran dan ketabahan kalian menunggu sepanjang pengajian dan menyiapkan disertasi ini yang menjangkau usia lima tahun akan ku kenang sepanjang hayat.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **PROSES PENYELESAIAN KONFLIK MELALUI PERUNDINGAN SULH**

Oleh

**MOHD FUAD BIN MOHD SALLEH**

**November 2006**

**Pengerusi: Jamilah Othman, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Konflik adalah fitrah semula jadi dalam kehidupan manusia. Konflik terjadi apabila satu pihak menghalang, menekan atau memaksa pihak lain yang kemudiannya terasa terganggu dengan tindakan pihak yang pertama. Meskipun konflik boleh diselesaikan oleh pihak-pihak berkonflik namun kerap kali ia memerlukan pihak ketiga untuk menyelesaikannya. Kajian ini bertujuan untuk memahami pengalaman Pegawai Sulh sebagai pihak ketiga dalam menangani konflik suami-isteri Melayu. Kajian menjawab tiga persoalan berikut: (1) Apakah ciri-ciri utama penyelesaian konflik melalui mediasi dari perspektif Sulh?, (2) Bagaimana Pegawai Sulh memainkan peranan sebagai mediator untuk menyelesaikan konflik suami-isteri? dan (3) Apakah kemahiran tambahan yang diperlukan untuk menyelesaikan konflik selain daripada kemahiran asas kaunseling?

Pendekatan kualitatif kajian kes dipilih untuk menyempurnakan dan menjawab persoalan kajian. Pendekatan dan kaedah ini dipilih kerana ia



mampu menjawab persoalan kajian yang ingin memahami makna dan pengalaman Pegawai Sulh dalam menangani konflik. Teknik temubual separa berstruktur digunakan untuk mengumpul data dari lima orang Pegawai Sulh yang menjadi responden kajian yang menceritakan pengalaman mereka mengendalikan perundingan dalam majlis sulh. Data telah dianalisis dengan membina kategori dan tema untuk menjawab persoalan kajian.

Temuan kajian mendapati dua ciri utama menjadi asas dalam penyelesaian konflik iaitu (1) tidak bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang dan (2) persetujuan bersama. Kajian juga mendapati terdapat corak yang sama bagi responden mengendalikan perundingan sulh di mana mereka telah menggunakan pendekatan kokus dan pengupayaan sebagai kaedah untuk menangani konflik. Kajian juga mendapati sebagai mediator dalam proses sulh, Pegawai Sulh memiliki kemahiran kegelagatan, namun mereka kekurangan kemahiran alasan analogik untuk mengendalikan perundingan sulh bagi penyelesaian konflik suami-isteri.

Majlis sulh merupakan satu kaedah terbaik untuk menyelesaikan pertikaian berkaitan *mal* di kalangan suami-isteri Melayu kerana keberkesanan perundingan yang dijalankan oleh Pegawai Sulh. Keupayaan Pegawai Sulh membantu pihak-pihak berkonflik dengan berpandukan agama dan tidak memihak menunjukkan keberkesanan asas Islam dan pengetahuan mengenai Islam dalam menyelesaikan konflik.

Untuk menjadi orang tengah atau pihak ketiga, selain daripada kemahiran asas komunikasi dan kaunseling, kemahiran kegelagatan dan alasan analogik amat penting. Kemahiran kegelagatan dibentuk sepanjang Pegawai Sulh bekerja. Ini membenarkan teori yang menyatakan bahawa kemahiran boleh dibentuk melalui latihan dalam bekerja iaitu seseorang akan mendapat kemahiran melalui tugas harian yang dijalankan. Ini memberi implikasi bahawa teori pembelajaran dewasa yang mengetengahkan pandangan bahawa orang dewasa lebih suka belajar sesuatu yang mereka akan gunakan setiap hari adalah betul dan amat praktikal. Ia juga memberi implikasi bahawa teori mediasi Barat tidak semuanya sesuai untuk masyarakat Melayu. Mediasi perlu meneroka dimensi baru iaitu dengan menggabungkan mediasi dan kaunseling yang dilaksanakan dalam sesi kokus. Oleh itu *mediasi kaunseling* sebagai satu teori baru boleh diperkenalkan sebagai alternatif penyelesaian pertikaian untuk menyelesaikan konflik. Mediasi kounseling memerlukan mediator menjalankan dua fungsi iaitu sebagai mediator dalam perundingan bersemuka dan kaunselor dalam sesi kokus.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## **CONFLICT RESOLUTION THROUGH SULH NEGOTIATION**

By

**MOHD FUAD BIN MOHD SALLEH**

**November 2006**

**Chairman : Jamilah Othman, PhD**

**Faculty: Faculty of Educational Studies**

Conflict is natural in human life. It happens when one restricts, oppresses or forces another, who in turn feels threatened by the actions of the said individual. Though conflict can be resolved by those in conflict, often there is a need for a third party intervention. This research intends to understand the experience of the Sulh Officers as the third party in resolving marital conflicts between Malay couples. The study seeks to answer three research questions as follows: (1) What are the main characteristics of conflict resolution by means of mediation from the perspective of Sulh?, (2) How does the Sulh officers play their role as mediators to resolve marital conflict between husbands and wives?, and (3) What are the additional skills for conflict resolution apart from basic counselling skills.

The qualitative case study approach was employed to answer the research questions set above as it is the best method capable of explicating data



collected from semi-structured interviews on five Sulh officer who shared their experiences in handling negotiations during Sulh events. The data were analyzed by catagorical and thematical construction to address the research questions.

The research findings suggest two main criteria for the basis of conflict resolution as follows: (1) inline with syariah and laws, and (2) mutual agreement. This study also found that in handling sulh negotiation respondents had used cocus and empowerment as the methods to resolve conflicts. It was also found that as mediators in the sulh process Sulh officers possessed behavioral skills, nevertheless they lacked analogical reasoning skills.

Sulh is the best method to resolve *mal* conflict amongst Malay married couples because of it negotiating effectiveness conducted by the Sulh officers. The capability of Sulh officers to assist the conflicting party with religion as a guide in unbias manner show the effectiveness of Islamic foundation and the knowledge of Islam in resolving conflicts.

To be the third party, besides basic communication and counselling skills, the behavioral and analogical reasoning skills are most important. The behavioral skill was cultivated over the course of the Sulh officers career. This allows for the theory that postulates that skills may be formed through work practices whereby one developed skills by means of daily work. This implies that adult learning theories which highlighted the view that adult





learners like to learn what they use on a daily basis, as correct and practical. It also implies that the western mediation theories are not all suitable in the Malay society. Mediation has to explore a new dimension that is to merge mediation and counseling. Mediation counseling can be introduced as new theory as an alternative dispute resolution (ADR) method to resolve conflict. Mediation counseling requires the mediator to play dual function, as mediator in face to face negotiation and counselor in caucus session.



## **PENGHARGAAN**

Rakaman penghargaan setinggi-tingginya untuk semua yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu dan memberi galakan sehingga saya dapat menghabiskan kajian ini. Khas buat Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang ikhlas dan dedikasi dalam membantu menyiapkan disertasi ini: Dr. Jamilah Othman, Dr. Shamsuddin Ahmad dan Professor Madya Dr. Muhd Fauzi Muhammad. Juga buat teman-teman seperjuangan yang banyak memberi galakan dan cabaran untuk menyelesaikan kajian ini

Penghargaan juga disampaikan khusus buat pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah Negeri Selangor yang telah memberi kerjasama yang amat baik sehingga disertasi ini dapat disiapkan. Sumbangan anda semua akan dikenang sepanjang hayat.

**Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baik anda semua.**



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan bagi Mohd Fuad Bin Mohd Salleh telah mengadakan peperiksaan akhir pada 27 November, 2006 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau bertajuk "Proses Penyelesaian Konflik Melalui Perundingan Sulh" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

**Jegak Uli, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Maimunah Ismail, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Jamaliah Abd. Hamid, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ibrahim Mamat, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**

Profesor/Timbangan Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 22 MAC 2007



Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Jamilah Othman, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Shamsuddin Ahmad, EdD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Muhd Fauzi Muhammad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor / Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 APRIL 2007



## **PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satu telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk mana-mana ijazah di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

---

**MOHD FUAD BIN MOHD SALLEH**

Tarikh : 20 November, 2006



<b>JADUAL KANDUNGAN</b>		<b>Halaman</b>
<b>DEDIKASI</b>		ii
<b>ABSTRAK</b>		iii
<b>ABSTRACT</b>		vi
<b>PENGHARGAAN</b>		ix
<b>PENGESAHAN</b>		x
<b>PERAKUAN</b>		xii
<b>SENARAI JADUAL</b>		xv
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>		xvi
 <b>BAB</b>		
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	Latar belakang Kajian	3
	Pernyataan Masalah	9
	Andaian Kajian	10
	Bias Pengkaji	13
	Limitasi Kajian	15
	Kepentingan Kajian	16
	Definisi Istilah	19
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	20
	Konflik	23
	Faktor-faktor Konflik	25
	Gaya Konflik	29
	Pendekatan Penyelesaian Konflik	34
	Pihak Ketiga	37
	Peranan Pihak Ketiga	40
	Mediasi	42
	Definisi	42
	Faktor Pendorong Penggunaan Mediasi	46
	Mediasi Yang Efektif	47
	Penyelesaian Konflik Melalui Mediasi	47
	Peranan Mediator	49
	Mediasi Dari Perspektif Islam	49
	Asas Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam	57
	Pegawai Sulh	59
	Sulh	63
	Elemen Sulh	65
	Asas Penyelesaian Sulh	68
	Kemahiran	71
	Ringkasan	76
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	78



Rekabentuk Kajian	79
Rasional Pemilihan Kajian Kes	82
Pemilihan Responden	86
Instrumen Kajian	91
Teknik Pengumpulan Data	92
Temubual	95
Kesahan	101
Kebolehpercayaan	102
Analisis dan Pengurusan Data	103
Menyalin Data	105
Pengurusan Data	109
Kategori Data	110
Analisis Data	112
Pembentukan Tema	113
Ringkasan	115
<b>IV</b>	<b>TEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>
	117
Latar belakang Responden	118
Ciri-ciri Utama Penyelesaian Sulh	120
Asas Penyelesaian Sulh	120
Prosedur	123
Kaedah Menangani Konflik	125
Kokus	126
Pengupayaan	127
Kemahiran Tambahan	128
Kemahiran Kegelagatan	128
Alasan Analogik	129
Perbincangan	130
Ringkasan	149
<b>V</b>	<b>RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>
	151
Ringkasan	151
Rumusan	153
Implikasi Kajian	154
Cadangan Kajian AKAN DATANG	155
<b>RUJUKAN</b>	157
<b>LAMPIRAN</b>	169
<b>BIODATA PENULIS</b>	160



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1 Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	75
2 Kategori Data	118
3 Tema	123
4 Latar Belakang Responden	128



## SENARAI GAMBARAJAH

<b>Gambarajah</b>	<b>Halaman</b>
1 Model Gaya Pengurusan Konflik	29
2 Peningkatan Pilihan Penyelesaian Konflik (ADR)	36
3 <i>Generic Mediation Model</i>	49
4 <i>Twelve Stage Model</i>	50
5 Peringkat Pelaksanaan Sulh	166

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Manusia sememangnya suka bersaing kerana persaingan merupakan faktor turun-temurun yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Persaingan dalam perhubungan perseorangan atau antara individu adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Persaingan wujud kerana terdapat pertembungan kepentingan, nilai, tindakan, status, halatuju dan berbagai keinginan. Persaingan ada ketikanya memang sengaja diwujudkan kerana kepentingan spesifikasi tugas (Bisno, 1988).

Persaingan boleh terjadi antara dua individu atau kumpulan atau dalam diri individu atau kumpulan itu sendiri. Pertembungan dua pihak atau dua individu yang berusaha untuk memiliki sesuatu yang sama dan terhad sudah tentu akan mewujudkan satu suasana tidak harmoni apabila satu pihak memperolehnya dan satu pihak lain tidak memperolehnya. Apabila ini terjadi maka kesan pertama yang dapat dilihat akibat pertembungan ini ialah hubungan yang kurang baik. Sekiranya tiada usaha untuk memperbaiki hubungan ini ia boleh menyebabkan berlakunya konflik yang berpanjangan.



Konflik kerap kali dianggap mempunyai kaitan dengan tuntutan atau perundingan di mana penyumbang-penyumbang utama (*protagonists*) mempunyai kepentingan dan matlamat yang berbeza. Apa yang dikehendaki oleh satu pihak akan menyebabkan pertentangan dan kekecewaan kepada satu pihak lain. Meskipun kedua-dua pihak mempunyai kemahuan untuk mencapai persetujuan, mereka mempunyai pertentangan keinginan untuk menentukan cadangan yang mana perlu diterima dan diikuti.

Namun yang penting ialah setiap masalah, krisis, konflik dan sebagainya memiliki benih-benih kejayaan ataupun akar umbi kegagalan. Mengenal pasti, menyemai, dan menuai benih kejayaan merupakan tugas dan tanggungjawab pengurusan krisis (Augustine, 2000) yang juga tugas dan tanggungjawab pengurusan konflik. Kebanyakan manusia atau pengurus hari ini cuba menyelesaikan masalah, krisis dan konflik dengan melihat dan memahami permasalahan yang dihadapi mengikut pandangan mereka sendiri tanpa berusaha memahaminya melalui pandangan pihak ketiga. Ini menyebabkan konflik tidak dapat diselesaikan dengan sempurna dan konflik masih terus berlaku (De Bono, 1985).

Berdasarkan kepada keperluan untuk melihat konflik dari pandangan pihak ketiga yang bebas dan tidak terlibat, maka campurtangan pihak ketiga diperlukan bagi membantu proses menangani konflik. Terdapat beberapa jenis pihak ketiga yang biasa dipraktikkan, antaranya ialah *explorer*, yang meyakinkan penentang bahawa kemenangan bukanlah matlamat pihak yang satu lagi. Selain dari itu *reconciler*, yang menyediakan ruang untuk

proses pembaikan juga tergolong sebagai pihak ketiga. Lain-lain fungsi dan jenis pihak ketiga yang terlibat dalam proses menangani konflik termasuklah *unifiers, facilitators, legitimators, counsellor* dan *mediators* (Lederach, 1997).

Berdasarkan kepada jenis dan bentuk konflik maka penyelesaian konflik melalui mediasi di mana mediator berperanan sebagai pihak ketiga adalah penting kerana pihak-pihak yang terlibat mencapai kepuasan lebih tinggi dan kos yang lebih rendah berbanding dengan penggunaan pihak ketiga yang lain (Severson, 1998). Mediasi ialah proses penyelesaian di mana pihak ketiga membantu pihak yang berkonflik berunding secara sukarela untuk mendapatkan penyelesaian terhadap pertikaian mereka. Mediasi jauh lebih murah berbanding proses litigasi (Roberts, 2002).

Peranan mediasi dalam proses menangani konflik amat berkesan kerana selain daripada kos yang murah, pihak-pihak berkonflik akan mendapat kepuasan yang lebih kerana keputusan untuk menyelesaikan konflik sebenarnya datang dari mereka sendiri. Mediator hanya membantu untuk mendapat persetujuan bersama. Berdasarkan keadaan ini maka mediasi hanya berkesan jika kedua-dua pihak bersedia melantik mediator untuk membantu penyelesaian tersebut.

### **Latar Belakang Kajian**

Manusia sering menghadapi masalah perhubungan dalam kehidupan seharian untuk memenuhi keinginan, keperluan dan kepuasan dalam usaha



untuk mendapatkan kebahagiaan. Dalam usaha ini manusia sering berhadapan dengan beberapa halangan yang boleh mewujudkan konflik dan memerlukan penyelesaian. Akibat daripada halangan dan kritikan yang dihadapi, individu-individu yang berkonflik mungkin memilih strategi konfrantasi langsung, kompetitif atau pengelakan (Rahim, 1992) yang mungkin menyebabkan perhubungan atau konflik bertambah besar dan merenggangkan perhubungan sesama individu.

Peranan pihak ketiga sering digunakan dalam amalan masyarakat Melayu Islam di Malaysia terutama dalam menyelesaikan pertikaian berdasarkan kepada kes-kes saman sivil yang bertambah setiap tahun di Mahkamah Syariah (Osman, 1999). Pihak ketiga juga sering digunakan dalam amalan kekeluargaan. Contohnya sebelum perkahwinan dijalankan beberapa proses yang menggunakan pihak ketiga perlu dilalui. Antara proses tersebut ialah proses memilih jodoh. Walau bagaimanapun peranan pihak ketiga ini bukan bertujuan untuk menyelesaikan konflik sebaliknya hanya untuk memudahkan proses perkahwinan. Namun sekiranya berlaku pertikaian antara anak dan ibu-bapa mengenai jodoh maka saudara-mara akan memainkan peranan untuk mendamaikan pertikaian ini. Pihak ketiga diperlukan apabila penyelesaian dikehendaki oleh pihak-pihak yang bertikai.

Kajian terdahulu mengenai peranan pihak ketiga dalam masyarakat Melayu menunjukkan bahawa pihak ketiga kerap berperanan dalam menyelesaikan pertikaian dan ia bukanlah sesuatu yang baru. Antara pihak ketiga yang dimaksudkan ialah Imam, Ketua Kampung dan Penghulu (Syed Hussin,



1977). Dalam masyarakat Melayu tradisional yang lebih bersifat keluarga luas (*extended family*) pasangan suami-isteri tidak hanya bergantung kepada keluarga terdekat mereka sahaja bahkan keseluruhan ahli kariah atau kampung adalah dianggap sebagai ahli keluarga mereka juga. Ini dibuktikan dalam urusan perkahwinan dan perceraian di mana Imam dan Ketua Kampung atau Penghulu akan terlibat sama (Yaacob, 1991). Golongan ini akan menjadi penasihat kepada majlis-majlis keramaian yang diadakan berdasarkan kepada fungsi mereka. Contohnya Imam akan dirujuk untuk pernikahan, perceraian dan kematian sementara Ketua Kampung atau Penghulu pula akan dirujuk untuk majlis kenduri perkahwinan, pertikaian antara keluarga atau sesama keluarga (Syed Hussin, 1977).

Namun pembangunan dan pemodenan telah menyebabkan keluarga berpindah dari kampung ke kawasan perbandaran (migrasi) yang dianggap sebagai satu proses sosial yang dinamik (Yaacob, 1991). Perubahan ini telah mengakibatkan berlakunya perubahan dalam konsep keluarga di mana keluarga hanya tertumpu kepada unit keluarga kecil (*nucleus family*) dan kebergantungan kepada institusi Imam, Ketua Kampung atau Penghulu semakin berkurangan. Penggubalan Enakmen Syariah dan juga Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri seperti Selangor yang dapat dikesan bermula pada tahun 1880 (Ahmad Ibrahim & Ahilemah, 1987) kemudian digubal sekali lagi pada tahun 1885 (Osman, 1999) dan lain-lain negeri tidak mengurangkan peranan Imam dan ketua Kampung atau Penghulu sebagai tempat rujukan apabila berlaku pertikaian keluarga. Namun apabila Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri

diluluskan, peranan Imam, Ketua Kampung dan Penghulu dalam urusan agama secara rasmi semakin berkurangan kerana telah wujud Pegawai Agama yang dilantik oleh kerajaan.

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Selangor, 1952, merupakan Enakmen yang pertama diluluskan untuk mengatur pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia diikuti oleh Trengganu (1955), Melaka (1959), Pulau Pinang (1959), Negeri Sembilan (1960), Perlis (1964), Perak (1965), Sabah (1977), Sarawak (1977), Kedah (1978), Johor (1978), Kelantan (1966/1982) dan Wilayah Persekutuan (1984) (Ahmad Ibrahim, 1987). Dengan adanya undang-undang pentadbiran Islam ini maka kesemua kes pernikahan dan perceraian mestilah dirujuk kepada pejabat Agama dan Mahkamah Syariah. Kini pejabat Agama dan Mahkamah Syariah telah mengambil peranan rasmi sebagai pihak ketiga dalam menyelesaikan pertikaian di kalangan orang Islam.

Di dalam Mahkamah Syariah terdapat dua jenis kes yang didaftarkan iaitu kes mal dan kes jenayah syariah. Kes mal ialah kes-kes tuntutan sivil yang berkaitan dengan urusan agama Islam sementara kes jenayah syariah ialah kes pelanggaran undang-undang jenayah syariah. Untuk kajian ini, hanya kes mal yang akan dibincangkan kerana kuasa Pegawai Sulh hanya terbatas bagi kes mal dan mereka berperanan untuk merundingkan kes mal sahaja. Kuasa Pegawai Sulh di Mahkamah Rendah Syariah pula dibataskan hanya untuk membincangkan semua kes mal kecuali hadanah (hak jagaan

anak) kerana kuasa memutuskan hadanah hanya diberi kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

Berdasarkan rekod kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah ia menunjukkan bahawa bilangan kes mal semakin meningkat. Di Mahkamah Syariah di negeri Selangor sahaja bagi tahun 1996 sebanyak 3,183 kes mal telah didaftarkan sementara untuk tahun 1997 kes mal yang didaftarkan adalah sebanyak 3,331 (Osman, 1999). Selangor telah memperkenalkan dan mewartakan kaedah 'Sulh' yang fungsi utamanya ialah untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh pihak-pihak bertikai di luar mahkamah selepas berlakunya pembubaran perkahwinan (Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2/2003).

Sulh merupakan satu proses di mana pihak-pihak yang terlibat di dalam suatu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah, dipanggil dan dipertemukan di dalam suatu majlis perundingan dipimpin secara rasmi. Pertemuan ini di atur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu dan jika perdamaian tercapai maka keputusan perdamaian akan dikeluarkan sebagai satu perintah mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa (Mahkamah Syariah Selangor, 2001).

Antara tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah sulh menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (EUKI) 1984; adalah (1) tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin atau bertunang (seksyen 15) (2) tuntutan berbangkit daripada isu-isu perceraian



iaitu muta'ah dan nafkah 'iddah (seksyen); (3) nafkah tertunggak (seksyen 69); (4) harta sepencarian (seksyen 58); (5) hutang maskahwin (seksyen 57); (6) tuntutan nafkah anak (seksyen 72, 73, 77); dan (7) tuntutan hak jagaan anak (hadanah) (seksyen 81). Walau bagaimanapun, tuntutan hak jagaan anak hanya boleh diperakukan keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Namun ia tidak menghalang perundingan dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah.

Sulh lebih menjadi pilihan kerana ia mudah dilaksanakan iaitu dilaksanakan dengan persetujuan serta kehendak bersama secara sukarela oleh pihak-pihak yang berkonflik. Meskipun pihak-pihak berkonflik telah diperintahkan oleh mahkamah untuk menghadiri Sulh, penglibatan dalam proses perundingan sulh dan dalam membuat keputusan adalah bersifat sukarela di mana pihak-pihak berkonflik bebas untuk mengambil bahagian atau tidak mengambil bahagian dan bebas juga untuk membuat keputusan atau tidak membuat keputusan. Perundingan dan perbincangan akan melihat kepada keperluan dan kepentingan pihak-pihak berkonflik dan hasilnya adalah penyelesaian damai secara bersama. Selain dari itu proses yang tidak formal dan fleksibel ini akan membolehkan pihak-pihak berkonflik menyertai perbincangan dan perundingan sepenuhnya tanpa sebarang paksaan.

Semenjak kaedah Sulh ini diperkenalkan, banyak kes dapat diselesaikan di luar mahkamah. Di Selangor, sejak Mei hingga Disember 2002, daripada 803 kes yang dirujuk kepada Pegawai Sulh, 492 kes (61.7 peratus) berjaya diselesaikan, 235 kes (29.26 peratus) dibawa ke hadapan hakim untuk